



**KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**SIARAN AKHBAR**

**MAJLIS IBADAH KORBAN KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI SERTA  
JABATAN-JABATAN DI DALAMNYA TAHUN 1445H/2024M**

**Hari Khamis, 13 Zulhijjah 1445H / 20 Jun 2024M**

---

Kementerian Kewangan dan Ekonomi telah mengadakan Majlis Ibadah Korban pada hari Khamis, 13 Zulhijjah 1445H bersamaan 20 Jun 2024M bertempat di Dewan Teater, Bangunan Kementerian Kewangan dan Ekonomi, Commonwealth Drive, Jalan Kebangsaan, Negara Brunei Darussalam.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr Awang Haji Mohd Amin Liew bin Abdullah, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II. Turut hadir ialah Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Khairuddin bin Haji Abdul Hamid, Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi (Ekonomi), Yang Mulia Pengiran Datin Seri Paduka Hajah Zety Sufina binti Pengiran Dato Paduka Haji Sani, Timbalan Menteri Kewangan and Ekonomi (Fiskal), Setiausaha Tetap, Pemangku Setiausaha-Setiausaha Tetap, Timbalan Setiausaha Tetap, Ketua-Ketua Jabatan dan Bahagian, pegawai-pegawai kanan, pegawai dan kakitangan Kementerian Kewangan dan Ekonomi serta jabatan-jabatan di dalamnya.

Sebanyak 9 ekor kerbau dikorbankan yang disertai oleh 63 orang peserta terdiri daripada pegawai dan kakitangan Kementerian Kewangan dan Ekonomi.

Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II juga seterusnya telah mengagihkan daging-daging korban tersebut kepada penerima yang terdiri daripada golongan asnaf fakir dan miskin. Majlis ini juga merupakan aktiviti keagamaan yang diadakan setiap tahun oleh Kementerian Kewangan dan Ekonomi serta jabatan-jabatan di dalamnya.

Majlis pada tahun ini dikendalikan oleh Agensi Pelaburan Brunei, Kementerian Kewangan dan Ekonomi.

-TAMAT-

Disediakan oleh:  
Kementerian Kewangan dan Ekonomi  
Negara Brunei Darussalam

Emel: pr@mofe.gov.bn  
Rujukan: KKW/ADM/27B  
Tarikh: 13 Zulhijjah 1445H  
20 Jun 2024M